RAHSIA KEKUATAN KITA

Al-Ustādh "Hussīn 'Azmī 'Abdul Qādir" penulis rencana ini ialah seorang pelajar Melayu di Azhar – di Kuliyyah Usuluddin. Beliau berasal dari Terengganu dan pernah menjadi Setiausaha Persekutuan Putera Semenanjung di Mesir.

Pati rencananya yang berharga ini kita peturunkan dari majalah "Pembangunan".

Kekuatan adalah satu rukun hidup, benteng yang mempertahankan kebenaran dan tulang belakang keselamatan.

Kalau kita perhati kepada gerak telatah dunia, nyata benar betulnya keterangan yang tersebut itu. Indonesia harus belum merdeka kalau tidak dengan kekuatan. Benua Eropah harus sudah ditelan bulat-bulat oleh Rusia kalau dirinya tidak mempunyai kekuatan. Demikianlah seterusnya kekuatan adalah tetap menjadi tiang keselamatan dan benteng pertahanan menjaga hak.

Keadaan Bangsa Melayu

Bangsa Melayu hari ini kalau dilihat dengan mata kasar adalah merupakan satu bangsa kecil tenggelam dalam gelombang bangsa dagang; jumlahnya yang sedikit dan kelemahannya dalam lapangan pelajaran dan iqtisad serta kelengkapannya yang belum cukup sebagai satu bangsa adalah tidak memberikan harapan boleh hidup sejajar dengan bangsa-bangsa yang mulia hari ini. Ini menyebabkan setengah orang mengeluh merasa berputus harap, tetapi sebenarnya tidak sayogia harap, carilah ikhtiar kerana tidak ada penyakit yang tidak ada ubatnya. Selidiklah di mana letaknya rahsia kekuatan kita kerana dengan mengetahui tempat letaknya rahsia itu kita akan segera jadi kuat dan cita-cita kebangsaan kita akan lekas dapat dicapai.

Kebangkitan dan Kejatuhan Bangsa

Lembaran sejarah menyatakan satu rahsia iaitu kebangkitan dan kejatuhan umat itu adalah bergantung kepada satu perasaan yang dinamakan semangat.

Semangat adalah kunci kebangkitan dan kejatuhan.

Semangat Melayu

Sudah terang bangsa kita memang kekurangan dalam kelengkapan moden. Hanya kita tentu mempunyai semangat sebagaimana bangsa-bangsa lain mempunyainya. Kita wajib bersyukur dan bergembira kerana semangat adalah senjata yang lebih kuat dari segala senjata yang lain kalau ia dipelihara dan dijaga baik-baik.

Semangat adalah senjata sulit yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar tetapi manakala ia kuat dan meluap maka ia akan dapat menghancurkan segala sekatan di hadapannya, dengan sebab inilah Sukarno berkata: "Berilah kepada saya

sepuluh orang pemuda maka saya akan dapat menggoncang dunia." Maksudnya sepuluh orang pemuda yang bersemangat kuat. Tinggal kewajipan kita sekarang ialah menajamkan senjata itu, bagaimana caranya.

Kebanyakan bangsa manusia di dunia ini mengobar dan menguatkan semangat ialah dengan menceritakan kemegahan bangsa pada zaman silam dan kepahlawanan pahlawan-pahlawan mereka yang telah lalu. Kita bangsa Melayu boleh juga berbuat demikian, kita ada mempunyai sejarah yang gemilang dan pahlawan purba yang ulung tetapi itu tidak cukup. Kita tidak boleh memadai dengan hanya berbuat demikian, kerana dalam jiwa bangsa kita ada satu semangat yang lebih kuat daripada semangat kebangsaan iaitulah semangat Islam kerana bangsa kita Melayu tidak kurang dari 600 tahun beragama Islam dan semangat Islam boleh dikatakan hidup dalam jiwa bangsa kita hingga hari ini dan semangat itu kelhatan selalu muncul bila menghadap bahaya yang besar umpama bahaya "Bintang Tiga" yang tidak akan dilupakan itu.

Sungguhpun semangat Islam itu memang hidup dalam jiwa bangsa kita tetapi hidupnya itu umpama pokok yang tidak dijaga dihinggap penuh oleh nenalu.

Bagaimana cara-cara hendak menguatkan semangat Islam bangsa kita? Cara-caraya itu semua sekali sudah siap teratur dalam perlembagaan Islam iaitu "al-Quran", hanya kewajipan kita ialah membaca ajaran-ajaran itu kemudian segera melaksanakannya. Tetapi siapakah yang akan mengeluarkan ajaran-ajaran itu? Kerana bangsa kita bukan semuanya yang tahu maksud "al-Quran" itu. Pada menjawabnya tidak lain dari 'alim ulama' kita. Mereka wajib menerangkan betul-betul segala kehendak "al-Quran" itu kepada rakyat, jangan hanya memadai dengan memuji-muji al-Quran sahaja dengan tidak menerangkan dengan jelas bagaimanakah kebagusannya.

Sesungguhnya ajaran al-Quran itulah rahsia kekuatan umat Islam. Sejarah menceritakan kepada kita bahawa dengan menurut ajaran al-Quranlah umat Islam dahulu telah berjaya menghancurkan musuh mereka yang lebih besar jumlah dan kelengkapannya.

Tuhan Azza Wa Jalla telah meniup semangat kepada umat Islam dengan firman-Nya: "*Wa lā tahinū wa lā taḥzanū wa antumu al-a'lawna in kuntum mu'minīna*" 139, Alī Imrān maksudnya: "Janganlah kamu lemah dan dukacita, kamulah yang berdarjat tinggi kalau sebenarnya kamu beriman dengan Allah."

Seseorang Islam tatkala mendengar ayat ini tentu tidak merasa lemah dan dukacita tentang apa yang berlaku atas dirinya bahkan semangatnya tetap hidup subur dan tak mahu dirinya diperhinakan.

Sedarlah kita hendaknya tentang hakikat ini – hakikat rahsia kekuatan kita!

HURUF CETAK JAWI

Seperti yang digunakan bagi akhbar WARTA dan majalah Qalam

24 point	$ 1.60 sepaun
18 "	$ 1.80 "
14 "	$ 2.40 "

Kita sedia juga mengambil upah cetak segala jenis buku-buku, kertas-kertas perniagaan, sampul surat, resit dan sebagainya. Ditanggung memuaskan hati.

QALAM PRESS LIMITED
QALAM PRESS LTD.,
P.O. BOX 3031 SINGAPORE